

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI
BIN ABDUL AZIZ [RAUB]**

TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz minta **MENTERI TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:

- (a) Berapakah nilai penurunan untung kepada TNB akibat penurunan tarif yang dijangka dilaksanakan pada bulan Mac ini; dan
- (b) Adakah Kementerian bercadang mengurangkan pembelian tenaga daripada IPP.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pengurangan bil elektrik TNB sebanyak 2.25sen/kWj untuk pengguna-pengguna di Semenanjung adalah merupakan hasil penjimatan daripada mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) yang membolehkan sebarang pengurangan atau peningkatan kos bahan api dan lain-lain kos penjaanaan bekalan elektrik dilepaskan kepada pengguna melalui semakan setiap 6 bulan.

2. Namun begitu, keputusan pengurangan bil elektrik bagi tempoh 4 bulan ini **tidak melibatkan** sebarang semakan ke atas tarif asas atau *base tariff*, dengan izin, termasuk keuntungan tahunan yang diperolehi TNB. Ini adalah kerana, semakan semula tarif elektrik yang melibatkan keuntungan TNB hanya akan dilaksanakan pada 1 Januari 2018 berasaskan kepada kerangka *Incentive-Based Regulation* (IBR), dengan izin, iaitu semakan semula tarif asas TNB setiap 3 tahun. Pada masa tersebut, keuntungan TNB akan dinilai semula berpandukan kepada kewajaran kadar keuntungan untuk tempoh 3

tahun akan datang. Bagi tempoh semasa iaitu bermula Januari 2014 sehingga Disember 2017, TNB dianggarkan akan memperolehi keuntungan pada kadar *weighted average cost of capital (WACC)*, dengan izin, sebanyak 7.5%.

3. Berdasarkan penjelasan ini, pihak TNB tidak menanggung sebarang bentuk kerugian atau penurunan keuntungan akibat daripada penurunan bil elektrik yang dilaksanakan bermula 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan pembelian tenaga elektrik daripada IPP kerana elektrik yang dijana dari IPP masih diperlukan untuk memenuhi permintaan pengguna. Di samping itu, persaingan di dalam sektor penjanaan telah terbukti memberikan kos pembekalan elektrik yang terendah kepada pengguna dan prestasi kecekapan dan daya harap yang lebih tinggi.